


# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## 'Defisit fiskal tidak boleh turun mendadak'



Perdana Menteri pada sesi soal jawab Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto ihsan Jabatan Penerangan)

# 'Defisit fiskal tidak boleh turun mendadak'

## Kenaikan OPR terlalu pantas ada kesan negatif terhadap peniaga: PM

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penurunan kadar defisit fiskal yang terlalu mendadak akan menjejaskan ekonomi terutama projek-projek pembangunan negara. Khususnya pendidikan, kesihatan dan prasarans desa, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berpendapat, penurunan defisit tidak harus terlalu mendadak dan mesti diturunkan ke paras yang boleh diterima seperti yang diumumkan sebelum ini.

"Kebijakan ekonomi dan Bank Negara Malaysia (BNM) juga akan menentukan kekuatan ringgit tetapi kita juga fikir kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang terlalu pantas ada kesan negatif terhadap peniaga-peniaga," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar menjawab soalan Dr Radzi Jidin (PN-Putrajaya) mengenai kesan kemerosotan nilai ringgit kepada proses pemulihan

ekonomi negara dan pendekatan yang akan digunakan untuk mengukuhkan mata wang tempatan itu.

Katanya, BNM lebih teliti dan berhemat dalam menaikkan kadarfaedah dan perlu ada pertimbangan dalam pendekatan yang harus dilakukan.

### Pengukuhan nilai dolar jejas ringgit

Mengulas penyusutan nilai ringgit, Perdana Menteri berkata, kejatuhan kadar pertukaran ringgit yang dialami pada tempoh terdekat ini sebahagian besarnya didorong oleh pengukuhan dalam dolar Amerika Syarikat (AS).

"Sejak 31 Disember 2022, berbanding dolar AS, ringgit meyunusut 3.8 peratus, yen Jepun merosot lebih enam peratus sementara dolar Australia, won Korea dan yuan China menyusut sekitar tiga peratus," katanya.

Manakala kenaikan kadar faedah oleh bank pusat sejak Januari 2022 ialah 125 mata asas bagi ringgit, 300 mata asas (Singapura), 225 mata asas (Indonesia) dan 500 mata asas (AS), jelas Anwar.

"Singapura naikan tinggi (kadar faedah) jadi kekuatan mata wang negara itu lebih ampuh," katanya.

Mengenai kenaikan OPR pula, beliau berkata, kadar OPR ini diputuskan sepenuhnya oleh BNM sejak pemerintahan kerajaan sebelum ini kerana ia adalah undang-undang yang telah dibuat terdahulu.

"Cuma setakat ini dalam Kerajaan Perpaduan, baru sekali naik berbanding tahun lalu," katanya.

Oleh itu, Anwar mengesa BNM supaya meneliti bukan sahaja isu monetari tetapi juga dasar fiskal serta keyakinan secara Keseluruhannya.

"Yang berlaku sekarang ialah keyakinan pelabur dari sudut pelaburan suku tahun pertama menunjukkan pertumbuhan ekonomi itu meyakinkan dan kedudukan nilai ringgit masih terikat dengan kekuatan dolar AS," jelasnya.

Mengenai tindakan kerajaan dalam menyelesaikan masalah dihadapi rakyat susulan pendakatan kerajaan mengurangkan subsidi dan kejatuhan ringgit, beliau menjelaskan pengurangan subsidi hanya kepada golongan kaya atau mereka yang berpendapatan tinggi (T20), namun pada kadar minimum.

Beliau berkata kerajaan terpaksa melakukannya supaya tidak membebankan golongan miskin.

"Bila Yang Berhormat sebut tentang pengurangan subsidi, saya kurang faham di mananya kurang, yang kurangnya itu untuk orang kaya. Kurang subsidi untuk orang kaya pun tidak boleh?"

"Nak ambil RM50 juta, RM60 juta pada Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary (Pengerusi Yayasan Albukhary) tidak boleh? Saya terpaksa ambil daripada orang kaya supaya tidak bebankan orang miskin," katanya kepada soalan tambahan Radzi.